

Wakil rakyat jangan penting diri

PULAU PINANG 9 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) agar tidak menggunakan kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi semata-mata.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu wakil rakyat sentiasa mengingati tugas sebenar mereka adalah untuk berbakti kepada rakyat.

"Tugas seorang wakil rakyat sememangnya amatlah berat, ada ketika dipuji, ada ketika kita dimarahi dan dicaci. Itulah cabarannya, yang penting, dalam segala apa jua yang kita lakukan, kita perlu sentiasa berpegang kepada keikhlasan dalam hati kita.

"Justeru saya mahu semua wakil rakyat sentiasa ingat dan jalankan amanah ini dengan penuh rasa keinsafan serta berpegang kepada janji kita kepada rakyat iaitu berbakti dengan penuh komitmen," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan

Tugas seorang wakil rakyat sememangnya amatlah berat, ada ketika dipuji, ada, ketika kita dimarahi dan dicaci. Itulah cabarannya, yang penting dalam segala apa jua yang kita lakukan, kita perlu sentiasa berpegang kepada keikhlasan dalam hati kita

- Abdullah Ahmad Badawi

pada Jamuan Makan Malam anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang sempena Perhimpunan Tahunan Isteri Wakil Rakyat Semalaysia di sini malam ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Pemangku Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Datin Seri Rosmah Mansor.

Menurut Perdana Menteri, masalah dan beban wakil rakyat itu dapat dikurangkan dan ditangani dengan sokongan dan bantuan isteri masing-masing.

"Oleh kerana suami saudari semua adalah wakil rakyat, maka tanggungan pastinya lebih berat ke atas saudari kerana mereka mempunyai amat sedikit masa untuk di luangkan bersama keluarga.

"Tambahan pula, saudari juga perlu meneari masa untuk membantu suami dalam

kerja-kerja kebajikan dan sosial di kawasan masing-masing, ada yang perlu terlibat dalam hal-hal politik, termasuk memberi bantuan di pusat khidmat mereka.

"Ada juga di antara saudari semua yang mungkin terpaksa melayan dan mendengar luahan para pengunjung khususnya para pengundi atau juga ahli parti yang berkunjung ke rumah pada bila-bila masa," katanya.

Abdullah berkata, ketabahan dan sokongan isteri merupakan dorongan amat diharapkan wakil rakyat ketika berdepan dengan tugas yang begitu mencabar.

Oleh itu, katanya, wakil rakyat patut menghargai pengorbanan isteri mereka yang perlu juga, aktif dalam kegiatan-kegiatan pertumbuhan isteri wakil rakyat di negeri masing-masing.

Dalam ucapannya, Abdullah turut mengimbas kembali perhimpunan tahunan itu yang merupakan cetusan idea Allahyarham

isterinya, Datin Seri Endon Mahmood.

Katanya, Allahyarham mempunyai visi dan hasrat begitu murni untuk menyatu padu dan merapatkan lagi hubungan dalam kalangan isteri wakil rakyat di seluruh negara melangkaui batas agama, bangsa dan negeri.

"Allahyarham telah menambah baik program asal perhimpunan ini dengan mengambil kira penyertaan semua isteri wakil rakyat dan bukan hanya menumpukan perhatian terhadap sukan kompetitif sahaja.

"Saya percaya apa yang saudari semua usahakan hari ini pastinya menjadi kebanggaan Allahyarham Datin Seri Endon.

"Walaupun beliau tidak lagi bersama kita tetapi saya bersyukur kehadiran Ilahi kerana segala sumbangan dan kenangan manis beliau dapat kita lihat melalui program saudari sekalian pada hari ini dan pada masa depan," katanya.